

Kontinjen wira negara kunjungi Dr Mahathir

BH 29/8/03

KUALA LUMPUR: Kontinjen The Global Malaysian, I-Berhad yang diwakili 11 wira negara untuk menyertai perarakan dan perbarisan sempena Hari Kebangsaan ke-46 di Putrajaya 31 Ogos ini mendapat rangsangan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

I-Berhad dalam satu kenyataan berkata, semangat patriotisme untuk menyambut ulang tahun kemerdekaan negara di kalangan wira negara yang sudah mengharumkan nama negara pada peringkat dunia mendorong mereka untuk menyertai perarakan Hari Kebangsaan tahun ini.

Berikutan itu, I-Berhad memilih tema 'The Global Malaysian' yang membolehkan wira negara ini bersama kontinjen syarikat itu dalam perarakan dan perbarisan Ahad ini.

Antara wira negara yang terbabit dalam perarakan kemerdekaan itu termasuk dua wira samudera, Datuk Azhar Mansor dan Abdul Malik Mydin, jaguh bina badan, Malek Noor, pendaki gunung Everest, M Magendran, pereka kasut terkenal, Datuk Jimmy Choo dan jaguh badminton, Datuk Punch Gunalan.

Kumpulan wira negara itu mengunjungi Dr Mahathir dan isteri di Putrajaya, kelmarin.